



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/2 ( 43 )

Tarikh : 24 Disember 2013

**Ketua Pengarang,  
Sinar Harian,**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS ARTIKEL "RESAH BERJIRAN PENAGIH DADAH" MENGENAI  
PENAGIHAN DADAH DI TAMAN SRI MAKMUR PONTIAN JOHOR MELALUI  
AKHBAR SINAR HARIAN RUANGAN BERITA SETEMPAT PADA 24 DISEMBER  
2013.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada artikel yang diterbitkan dalam ruangan Berita Setempat bertarikh 24 Disemberr 2013.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi artikel berkenaan:

*Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan **Sinar Harian** dalam menerbitkan artikel berkenaan dadah dalam negara. Untuk makluman, AADK memandang serius isu tersebut. Sehubungan itu AADK akan mengambil tindakan risikan dan siasatan bagi aduan yang disalurkan dan seterusnya akan mengadakan operasi bersepadu bersama pihak PDRM di lokasi yang dinyatakan dalam masa yang terdekat. Dalam masa yang sama AADK melalui program pencegahan dadah akan menggiatkan lagi kempen kesedaran terutamanya kepada golongan yang berisiko seperti belia dan remaja di kawasan terbabit dan berhampiran. Kempen tersebut turut meliputi penerangan berkenaan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah iaitu Klinik Cure & Care 1Malaysia. Pihak AADK memohon agar mana-mana individu tidak mengambil sebarang tindakan bersendirian kerana ia akan membahayakan keselamatan diri dan masyarakat. AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca Sinar Harian, salurkan aduan tersebut melalui emel kepada [pro@adk.gov.my](mailto:pro@adk.gov.my) atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888.*

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA  
MARILAH BERTINDAK SEGERA

*ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY  
LETS ACT NOW*



Certified to MS ISO 9001:2008  
Cert. No.: KLR 6008765

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,



**( MOHD AMIR KHUSAIRI HARUN )**

**b.p. Ketua Pengarah,  
Agensi Antidadah Kebangsaan,  
Kementerian Dalam Negeri**

- Sk: - Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan
- Pengarah Pengesanan dan Pengawasan AADK
  - Pengarah Pencegahan AADK
  - Pengarah AADK Johor